

Metro **kl**assifieds

ADAKAH sesuai menggunakan air paip untuk ditambah ke tangki penyejuk jika ia berada di paras paling minimum? Berikut merupakan pandangan atau nasihat untuk menjaga radiator supaya tahan lama atau tidak berkarat.

Air paip tidak sesuai digunakan kerana beberapa faktor. Seperti kita tahu, air paip mengandungi bahan klorin yang dicampur sebagai pembasmi kuman.

Ia juga mengandungi mineral dan bahan tercemar serta akan bertindak balas secara kimia dengan dinding radiator.


Selain itu, air paip tidak mengandungi perlindungan hakisan atau karat atau anti pembekuan dalam musim sejuk walaupun ia kurang relevan dengan cuaca negara ini.

Air paip yang diisi perlu dikeringkan dan sistem penyejukan dipenuhkan semula dengan bendalir penyejuk seperti disaran dalam panduan manual kereta anda.

Bendalir itu mempunyai campuran 50 peratus pekatan penyejuk dan selebihnya air suling bagi memberi perlindungan maksimum.

Bilas radiator setahun sekali untuk mengekalkan kebersihannya dan gunakan bahan tambah penyejuk dalam sukatan betul. Ia mampu mengelak karat dan meningkatkan takat suhu didih bendalir penyejuk.

Selain itu, keluarkan udara yang terperangkap dalam sistem penyejukan. Jika tidak, biarkan tudung radiator terbuka ketika enjin masih sejuk dan hidupkan supaya aliran bendalir membebaskan udara yang terperangkap.



DI DALAM :
TEMPAHAN
DAN
CARIAN
**DAPATKAN
DI SINI!**

AUTO

Kereta
Trak
Bas

NOTIS

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Am

KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
perabot

HARTANAH

Rumah
Kedai

KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KERAJAAN

Laporan
Kewangan
Tender
Notis Umum

**LELONGAN/
GUAMAN**

Hartanah
Lelongan
Guaman

TIDAK SESUAI GUNA air paip

